



SETAKAT ini hanya 20 hingga 30 peratus belum mengisi permohonan tapak dan ia masih dibuka kepada mereka yang berminat untuk berniaga di musim Ramadan.

LESEN BAZAR RAMADAN DI KL

TELUS CABUT UNDI

Bernamea

Putrajaya

Kaedah pemberian lesen bazar Ramadan di ibu negara tahun ini akan dijalankan secara telus termasuk cabutan undi petak dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa berkata, DBKL dalam peringkat akhir memuktamadkan peniaga di bazar Ramadan.

Beliau berkata, setakat ini hanya 20 hingga 30 peratus yang belum mengisi permohonan tapak dan ia masih dibuka kepada mereka yang berminat untuk berniaga di musim Ramadan.

Menurutnya, sebanyak lebih 3,000 petak perniagaan disediakan di Kuala Lumpur kali ini.

"Kita membuka ruang sepenuhnya kepada mereka yang betul-betul ada hasrat berniaga dan meningkatkan pendapatan di bulan Ramadan untuk (menyambut) Aidilfitri," katanya selepas majlis pelancaran Karnival Sukan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2025 di sini, semalam.

Dr Zaliha berkata, terdapat dua peringkat bazar iaitu Ramadan dan Aidilfitri, pemberian lesen secara langsung selain aspek penyenggaraan dilaksanakan DBKL.

Menurutnya, kaedah pemberian lesen secara langsung dilaksanakan di Putrajaya dan Labuan tahun ini berjaya memastikan peniaga mendapat harga sewaan tapak berpatutan selain pengurusan lebih baik.

Sementara itu, Dr Zaliha berkata, mana-mana individu atau persatuan peniaga yang tidak berpuas hati boleh menghantar aduan kepada DBKL dan bukannya membuat dakwaan tidak berasas.

Pada 13 Februari lalu, dilaporkan Persatuan Peniaga dan Penjaja Bumiputera Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPPBWPKL) mendakwa DBKL gagal menangani beberapa isu yang timbul membabitkan bazar Ramadan di ibu negara termasuk jualan semula tapak lot.

Dr Zaliha berkata, pihaknya akan bertindak tegas terhadap mana-mana pihak yang menjual semula lesen bazar Ramadan seperti yang digesa oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.